

Hubungan baik majikan, pekerja pikat pelabur: PM

BM 22/6/08 W/S 2

Syarikat amal budaya kerja sihat mampu bawa keuntungan lebih baik

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta majikan dan pekerja supaya sentiasa mewujudkan perhubungan yang harmoni antara kedua-dua pihak untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara ini.

Perdana Menteri berkata, kestabilan politik saja tidak mencukupi kerana pelabur asing turut melihat hubungan majikan dan pekerja sebagai antara perkara penting apabila hendak melabur di sesebuah negara.

Beliau berkata, sikap bermusuhan antara majikan dan pekerja tidak menguntungkan kedua-dua pihak, sebaliknya kejayaan akan dicapai jika prinsip bersabar, bertolak-ansur dan hormat-menghormati diamalkan.

“Sebagai Perdana Menteri, saya ingin melihat wujud hubungan baik antara majikan dan pekerja kerana ini penting untuk menjayakan sesebuah syarikat.

“Kejayaan dicapai syarikat tertentu akan membawa hasil lebih baik dan saya percaya ia akan diagihkan dengan adil dan saksama dengan pekerja,” katanya pada majlis menandatangani Perjanjian Bersama (CA) antara Persatuan Bank Perdagangan Malaysia (MCBA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (Nube) di sini, semalam.

Pada majlis itu, MCBA diwakili Presidennya, Hamidah Naziaddin dan Pengarah Eksekutif, S Sivagnanam. Nube diwakili Presidennya, S Sivabalan dan Setiausaha Agung, J Solomon.

Menerusi CA bagi tempoh antara 2006 hingga 2008, kira-kira 32,000 kakitangan perkeranian dan bukan per-



PELARASAN GAJI: Abdullah menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Hamidah dan S Sivabalan selepas majlis menandatangani Perjanjian Bersama antara MCBA dan Nube di Kuala Lumpur, semalam.

keranian bank perdagangan menerima kenaikan gaji sebanyak 17 peratus, iaitu peratusan tertinggi sejak 10 tahun lalu.

Pekerja juga terus menerima bonus dua bulan pada setiap akhir tahun. Antara faedah lain dinikmati ialah kenaikan pelbagai jenis elaun lima peratus dan kelayakan penjaminan perumahan lebih tinggi.

Abdullah berkata, iklim perdag-

angan yang sesuai untuk menggalakkan pelaburan asing amat penting dan meminta pekerja mempertingkatkan produktiviti bagi membolehkan negara mempunyai lebih daya saing pada peringkat global.

Katanya, syarikat berjaya adalah syarikat diuruskan dengan baik dan akhirnya akan membawa keuntungan yang baik kepada syarikat dan pekerja.

Sementara itu, Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya tidak membazir dan mengamalkan cara hidup berjimat-cermat, terutama dalam keadaan ekonomi yang tidak mementu sekarang.

“Kita bukan mahu menjadi kedekut, tetapi perlu berjimat-cermat dan tidak membazir. Insya-Allah jika kita berjimat, hidup kita akan lebih senang,” katanya.